

AZATHIOPRINE

Maklumat Penting mengenai Azathioprine.

Risalah ini mengandungi maklumat mengenai ubat Azathioprine. Namun, maklumat ini tidak dapat menjawab kesemua soalan tentang Azathioprine. Ia juga tidak boleh menggantikan perbincangan antara pesakit dengan doktor atau ahli farmasi. Sila gunakan maklumat ini sebagai panduan untuk bertanyakan soalan yang lebih lanjut kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Apakah kegunaan Azathioprine?

Azathioprine ialah ubat yang digunakan dalam rawatan penyakit idiopatik juvenil arthritis (*Idiopathic Juvenile Arthritis*), keradangan usus seperti penyakit Crohn's (*Crohn's Disease*) atau ulser colitis (*Ulcerative Colitis*), *Systemic Lupus Erythematosus* dan lain-lain penyakit autoimmun. Azathioprine tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang boleh merendahkan sistem imunasi badan, tetapi tidak diklasifikasikan sebagai steroid. Ia juga merupakan ubat antirheumatoid (*Disease modifying anti rheumatic drugs "DMARDS"*).

Azathioprine berfungsi secara mengganggu sintesis asid deoksiribonukleik (DNA) dan asid ribonukleik (RNA), lalu mengurangkan sintesis sel-sel imun.

Bilakah harus ubat ini diambil?

Ubat ini harus dimakan pada masa yang sama setiap hari. Jika ubat ini perlu dimakan dua kali sehari, anda harus selang dos sekurang-kurangnya 12 jam.

Bagaimanakah harus ubat ini diambil?

Azathioprine boleh diambil secara oral (dalam bentuk pil).

Azathioprine biasanya diambil SATU atau DUA kali selepas makan.

Jangan berhenti mengambil Azathioprine melainkan anda diarah oleh doktor anda. Jangan melebihi atau mengurangkan dos Azathioprine kecuali anda diarah untuk membuat sedemikian.

Apakah yang harus anda lakukan sekiranya anda tertinggal satu dos?

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang dilupa, dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang dilupa pada masa yang sama.

Panduan keselamatan semasa mengendali ubat Azathioprine

Untuk mengurangkan pendedahan ubat ini kepada ahli keluarga yang lain, anda dinasihati untuk mengendalikan ubat ini mengikut cara-cara yang berikut:

1. Gunakan sudu yang dikhaskan untuk ubat Azathioprine semasa mengambil ubat ini. Elakkan daripada menyentuh ubat ini dengan tangan. Cuci tangan and sudu yang telah digunakan sebaik sahaja mengambil ubat Azathioprine.

Hubungi doktor pakar anda, atau ahli farmasi di talian untuk maklumat yang lebih lanjut.

2. **Wanita yang hamil atau wanita yang sedang menyusui anak** dinasihati untuk menggunakan sarung tangan sebagai langkah keselamatan semasa mengendalikan ubat Azathioprine.
3. Untuk pesakit yang tidak berupaya menelan ubat, ubat Azathioprine boleh direndam di dalam air selama beberapa minit sebelum dihancurkan dan dicairkan. Dengan cara ini, sedutan serbuk ubat dapat dikurangkan semasa proses penghancuran dan pencairan.

Apakah kesan sampingan yang mungkin dialami dengan pengambilan ubat Azathioprine? Apakah langkah-langkah yang patut diambil jika berlaku sedemikian?

Anda mungkin mengalami kesan-kesan sampingan semasa mengambil ubat Azathioprine. Beritahu doktor anda jika anda mengalami kesan sampingan yang berikut. Ini supaya penyesuaian ke atas rawatan anda boleh dibuat untuk mengurangkan kejadian kesan sampingan yang berikut:-

- Sakit perut, perasaan loya dan muntah
- Pening
- Penipisan rambut (boleh tumbuh balik)
- Lebih mudah mendapat jangkitan
- Peningkatan sensitiviti kepada cahaya matahari (Pesakit boleh menggunakan krim pelindung cahaya matahari sebelum melakukan aktiviti-aktiviti di luar rumah)

Sila maklumkan kepada doktor anda jika anda mengalami kesan-kesan sampingan yang lain, atau jika kesan sampingan yang anda hadapi menjadi semakin teruk dan mengganggu aktiviti-aktiviti seharian anda.

Antara kesan sampingan yang serius tetapi jarang berlaku semasa pengambilan ubat Azathioprine ialah:-

- Reaksi sensitif seperti ruam, bengkak muka, kesukaran bernafas
- Penindasan sumsum tulang: ditunjukkan seperti sakit tekak, ulser mulut, lebam/pendarahan yang tidak diketahui sebabnya, keletihan luar biasa, jangkitan atau demam berterusan, atau jangkitan kuman yang kerap berlaku (melebihi daripada 2 kejadian sebulan)
- Kekuningan pada kulit badan atau mata, air kencing yang berwarna gelap
- Sakit abdomen

Jika anda menghadapi kesan-kesan sampingan ini, anda harus berhenti mengambil ubat Azathioprine dan hubungi doktor anda dengan segera.

Ubat atau makanan yang perlu dielak semasa mengambil Azathioprine

Jangan mengambil ubat-ubat lain atau produk herba tanpa berbincang dahulu dengan doktor atau ahli farmasi. Sesetengah ubat atau makanan bukan sahaja boleh mengurangkan keberkesanan ubat Azathioprine, malah ia juga boleh meningkatkan terjadinya kesan-kesan sampingan sehinggakan rawatan dan pengawasan rapi diperlukan.

Ubat-ubat yang harus dielak termasuk:

1. Immunosuppresants such as *Mercaptopurine*
2. Ubat anti-gout seperti *Allopurinol*
3. Ubat *DMARDs* seperti *Penicillamine*
4. Sesetengah antibiotik seperti co-trimoxazole (Bactrim®)

Hubungi doktor pakar anda, atau ahli farmasi di talian untuk maklumat yang lebih lanjut.

5. Ubat darah tinggi seperti *Captopril*, *Enalapril*
6. Vaksin yang hidup, seperti vaksin BCG, MMR dan beberapa jenis vaksin polio atau influenza

Ubat-ubat lain yang mungkin digunakan bersama dengan Azathioprine:

1. Ubat *DMARDs* lain seperti *Hydroxychloroquine*, *Methotrexate*, *Sulfasalazine*
2. Kortikosteroid seperti *Prednisolone*
3. Ubat *non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs)* seperti *Ibuprofen*, *Indomethacin* dan *Naproxen*.
4. Agent biologik seperti *Adalimumab*, *Etanercept* dan *Infliximab*

Penafian: Senarai ubat *di atas* ini tidak lengkap. Jika terdapat keraguan dalam mana-mana aspek, beritahulah kepada doktor pakar atau ahli farmasi anda, lebih-lebih lagi jika anda mengambil ubat-ubat lain atau suplemen semasa menerima rawatan dengan Azathioprine.

Bagaimanakah harus ubat ini disimpan?

Jauhi atau elakkan daripada dilihat oleh kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C.

Maklumat Umum

Patuhi susulan lawatan ke doktor

Jika anda sedang menerima rawatan dengan Azathioprine, anda dinasihati untuk berjumpa dengan doktor pakar anda dari semasa ke semasa. Pengambilan ujian darah pada masa yang tetap amat penting bagi memastikan tahap keberkesanan rawatan dan menangani masalah yang berkaitan dengan rawatan.

Rancangan untuk berkeluarga

Bincangkan dengan doktor pakar anda jika anda merancang untuk berkeluarga, semasa mengambil ubat Azathioprine. Ini adalah untuk mengelakkan kecacatan yang mungkin akan berlaku pada bayi anda semasa rawatan.

Perlu diingatkan bahawa ubat Azathioprine yang diberikan adalah khusus kepada anda sahaja dan anda tidak harus berkongsi ubat ini dengan orang lain.

Bekalan Ubat

Anda dinasihati supaya tidak membeli bekalan ubat melebihi daripada yang diperlukan sehingga anda berjumpa dengan doktor. Ini adalah untuk mengelakkan pembaziran ubat jika dos ubat anda berubah atau rawatan dengan ubat Azathioprine dihentikan.

Cara yang betul untuk melupuskan ubat Azathioprine

Anda dinasihati untuk mengembalikan bekalan Azathioprine yang berlebihan kepada farmasi hospital selepas tamatnya rawatan untuk dilupuskan dengan selamat.

Hubungi doktor pakar anda, atau ahli farmasi di talian untuk maklumat yang lebih lanjut.

Nasihat Lain

Jikalau anda hamil atau sedang menyusui bayi anda, anda perlu lebih prihatin semasa mengambil Azathioprine kerana ia mungkin menjejaskan kesihatan janin atau bayi.

Jangan memberi Azathioprine kepada orang lain. Ia telah ditetapkan untuk keadaan tertentu, dan mungkin bukan rawatan yang betul kepada orang lain, dan boleh membahayakan orang yang sedang mengandung atau menyusui bayi.



Version 2

Last Review: 28/02/2016

Produced by Department of Pharmacy

KK Women's and Children's Hospital

PATIENTS. AT THE HEART OF ALL WE DO.®